

# UDA bangun projek hartanah bercampur

**Pemaju** hartanah, UDA Holdings Bhd bakal membangunkan projek pembangunan bercampur merangkumi pelbagai unit kediaman dan komersial di Bandar Penawar, Kota Tinggi Johor.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Ahmad Abu Bakar, berkata projek itu akan dibangunkan di kawasan seluas 40.4 hektar dengan usaha sama Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), dijangka pada Julai 2008.

"Kita menjangkakan projek ini dapat dimulakan pada suku kedua 2018, mengikut perancangan ia membabitkan pembinaan 500 unit rumah teras dan apartment (1,200 unit) serta pelbagai unit kediaman lain.

"Projek pembangunan bercampur itu turut membabitkan pembinaan pusat beli-belah dan hotel. Kita menjangkakan projek ini akan dibangunkan secara empat fasa membabitkan tempoh lima tahun," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Program Indahnya Ramadan

meraikan 60 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Ladang Pendas, Gelang Patah yang juga kanak-kanak Orang Asli beragama Islam di Angsana Mall, Johor Bahru di sini, semalam.

Program anjuran UDA Holdings menerusi anak syarikatnya, UDA Angsana Johor Bahru Mall itu disempurnakan oleh Pengerusi UDA Holdings, Datuk Seri Dr Mohd Shafei Abdullah.

## Sambutan menggalakkan

Ahmad berkata, pihaknya yakin projek pembangunan itu akan

mendapat sambutan cukup menggalakkan kerana ia juga terletak berhampiran kawasan Pengerang yang kini sedang berkembang pesat.

"Lokasi projek ini sungguh strategik selain berhampiran Pengerang, malah kita juga dimaklumkan bahawa keperluan perumahan juga amat tinggi di kawasan berkenaan dengan kewujudan pelbagai peluang pekerjaan dalam kawasan Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID)," katanya.

## Info

- Bakal dibangunkan di kawasan seluas 40.4 hektar
- Merangkumi pelbagai unit kediaman dan komersial
- Dibangunkan secara empat fasa



[ FOTO HAIRUL ANUAR RAHIM/BH ]

**Mohd Shafei (dua dari kiri) bersama Ahmad (kiri)** pada majlis Program Indahnya Ramadan meraikan 60 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Ladang Pendas, Gelang Patah yang juga kanak-kanak Orang Asli beragama Islam di Angsana Mall, Johor Bahru, semalam.